

Tepi sungai bahaya

■ Penduduk sekitar
Cameron Highlands
bakal dipindah

Oleh MUHAMMAD APENDY
ISSAHAK

apendy@mediaprima.com.my

Cameron Highlands:

Penduduk yang menetap di tepi sungai sekitar Cameron Highlands akan dipindahkan ke kawasan lebih selamat bagi mengelak tragedi seperti di Lembah Bertam, Ringlet di sini, Rabu lalu, berulang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, usaha ini akan dilaksana dengan kadar segera memandangkan kejadian banjir kilat dan limpahan air boleh berlaku pada bila-bila masa.

"Kabinet bersetuju memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran sungai ke kawasan lebih selamat.

"Oleh itu, kita akan cari tanah untuk mereka dan bina penempatan sesuai kerana menetap di tepi sungai memang tidak selamat," katanya di sini, semalam.

Palanivel berkata, usaha itu akan dilakukan kementerian lainnya selain mendapatkan kerjasama kerajaan negeri untuk membantu proses pemindahan penduduk kelak.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands berkata, kebanyakan kediaman yang dibina di tepi sungai juga tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa dan ia menyukarkan tindakan diambil jika berlaku bencana.



G PALANIVEL

Menurutnya, peruntukan awal sebanyak RM100,000 diluluskan Pejabat Jurutera Daerah untuk kerja-kerja membersihkan serta membaiki pulih kawasan bencana yang dijangka siap dalam tempoh sebulan.

Selain itu, bantuan kepada mangsa bencana melalui Yayasan Membina Masyarakat sebanyak RM100,000 bagi meringankan beban penduduk yang terjejas juga diberi.

Mengenai peruntukan RM40 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Belanjawan 2014 kelmarin, Palanivel berkata, peruntukan itu akan digunakan bagi mendalam serta melebarkan Sungai Bertam.

"Proses membaiki pulih Sungai Bertam mungkin memakan masa lama iaitu sehingga dua atau tiga tahun,"

katanya.

Sementara itu, usaha mencari wanita warga Indonesia yang dipercayai dihanyutkan air akibat limpahan empangan Sultan Abu Bakar masih diteruskan membabitkan satu pasukan penyelam dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Ketua Polis Daerah Cameron Highlands Deputy Superintendent Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, pasukan penyelam membabitkan seorang pegawai dan empat anggota itu melakukan selaman di tiga kawasan iaitu di Empangan Salini, Jeram Kampung Manson menuju Kampung Susu dan di Jeram Kampung Susu ke Kampung Salini.

Menurutnya, operasi yang masuk hari keempat semalam diperluaskan sehingga 20 kilometer kawasan mencari membabitkan 11 pegawai dan 86 anggota pasukan keselamatan.

"Pihak berkuasa turut memperluaskan kawasan mencari di empat zon dengan menggunakan unit anjing pengesan K9 bersama jentera berat. Kami harap dengan usaha dilakukan, mangsa yang hilang dapat ditemui," katanya.

Wan Mohd Zahari berkata, setakat jam 3 petang semalam, mangsa belum ditemui dan usaha mencari diteruskan sehingga 7 malam jika tiada halangan, termasuk cuaca buruk.